



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Tarikh : 6 September 2021

Bil. 2/2021

Ruj : UMS/PPUU1.6/100-1/7/18 (3)

POLISI UMS BERKAITAN PERLINDUNGAN TERHADAP GANGGUAN, EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan Polisi UMS Berkaitan Perlindungan Terhadap Gangguan, Eksploitasi Dan Penderaan Seksual. Pemakaian polisi ini adalah kepada kakitangan, pelajar, kontraktor UMS, pelawat UMS dan pelanggan UMS sama ada di dalam kampus atau di luar kampus. Perkara ini termasuk aktiviti-aktiviti luar UMS seperti program outreach pelajar atau kakitangan, kakitangan akademik yang membuat kerja lapangan (fieldwork) bersama komuniti luar dan kontraktor UMS yang mempunyai urusan bersama pekerja kontraktor di UMS.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 United Nations (UN) mempunyai polisi *zero-tolerance* terhadap gangguan seksual dan eksploitasi seksual.
- 2.2 Polisi UN adalah berkuatkuasa terhadap kesemua kakitangan UN termasuk kesemua agensi dan individu yang mempunyai perjanjian kerjasama bersama UN.
- 2.3 UMS mempunyai beberapa perjanjian kerjasama bersama UN. Bagi membolehkan UMS dapat meneruskan kerjasama dengan pihak UN, Polisi UMS Berkaitan Perlindungan Terhadap Gangguan, Eksploitasi Dan Penderaan Seksual ini digubal untuk kelulusan.
- 2.4 Sehubungan dengan itu, **Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 6/2021 (Kali Ke-101)** pada **26 Julai 2021** telah meluluskan polisi ini.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Polisi UMS Berkaitan Perlindungan Terhadap Gangguan, Eksploitasi Dan Penderaan Seksual adalah seperti di **Lampiran**.

BIL.	PERKARA
1.0	Pernyataan Dasar
2.0	Objektif
3.0	Skop Polisi
4.0	Tafsiran
5.0	Pelaksanaan
	5.1 Penubuhan Jawatankuasa Menangani Eksploitasi dan Penderaan Seksual UMS (Protection From Sexual Exploitation And Abuse) (PSEA) UMS
	5.2 Strategi
	(i) Dokumentasi Melalui Kontrak
	(ii) Proses tapisan/ criminal background check
	(iii) Latihan
	(iv) Promosi
	(v) Panduan Tindakan Berkaitan Laporan Pelanggaran Polisi (Siasatan)
	(vi) Panduan Rujukan Untuk Bantuan Sokongan
6.0	Tindakan Terhadap Sebarang Perlanggaran Polisi
	6.1 Tindakan Siasatan
	6.2 Tindakan Tatatertib
	6.3 Penamatan Kontrak
	6.4 Laporan kepada Pihak Berkuasa seperti PDRM dan/atau SPRM
	6.5 Menolak Dari Memberikan Sebarang Perkhidmatan
7.0	Kerahsiaan
8.0	Pengendalian Aduan Palsu
9.0	Pemakaian Polisi
10.0	Kuat kuasa Polisi
	Lampiran 1 : Borang Aduan
	Lampiran 2 : Senarai Kontak Bagi Rujukan Bantuan Sokongan PSEA
	Lampiran 3 : Proses Siasatan dan Penyediaan Laporan Bagi Jawatankuasa Siasatan

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling Penasihat Undang-Undang ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) iaitu pada **26 Julai 2021**.

Sekian, Terima Kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

Saya yang menjalankan amanah,


AWANG SUHAIZAM BIN BUNGSO
Penasihat Undang-Undang

Tarikh : 6 September 2021

- s.k. ☞ Naib Canselor
- ☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
 - ☞ Bendahari
 - ☞ Ketua Pustakawan
 - ☞ Pengarah Kampus Antarabangsa Labuan
 - ☞ Penolong Naib Canselor (Strategik)
 - ☞ Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)
 - ☞ Ketua Pegawai Maklumat (CIO)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**POLISI UMS BERKAITAN
PERLINDUNGAN TERHADAP
GANGGUAN, EKSPLOITASI DAN
PENDERAAN SEKSUAL**

Diluluskan Dalam
Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
Bil. 6/2021 (Kali Ke-101) pada 26 Julai 2021

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	Pernyataan Dasar	1
2.0	Objektif	1
3.0	Skop Polisi	1
4.0	Tafsiran	1 - 2
5.0	Pelaksanaan	
5.1	Penubuhan Jawatankuasa Menangani Eksploitasi dan Penderaan Seksual UMS (Protection From Sexual Exploitation And Abuse) (PSEA) UMS	2 - 3
5.2	Strategi	
	(i) Dokumentasi Melalui Kontrak	3 - 4
	(ii) Proses tapisan/ <i>criminal background check</i>	4
	(iii) Latihan	4
	(iv) Promosi	4 - 5
	(v) Panduan Tindakan Berkaitan Laporan Pelanggaran Polisi (Siasatan)	5
	(vi) Panduan Rujukan Untuk Bantuan Sokongan	6
6.0	Tindakan Terhadap Sebarang Perlanggaran Polisi	
6.1	Tindakan Siasatan	6
6.2	Tindakan Tatatertib	6 - 7
6.3	Penamatan Kontrak	7
6.4	Laporan kepada Pihak Berkuasa seperti PDRM dan/atau SPRM	7
6.5	Menolak Dari Memberikan Sebarang Perkhidmatan	7
7.0	Kerahsiaan	7
8.0	Pengendalian Aduan Palsu	7 - 8
9.0	Pemakaian Polisi	8
10.0	Kuat kuasa Polisi	8

Lampiran 1 : Borang Aduan

Lampiran 2 : Senarai Kontak Bagi Rujukan Bantuan Sokongan PSEA

Lampiran 3 : Proses Siasatan dan Penyediaan Laporan Bagi Jawatankuasa Siasatan

**POLISI UMS BERKAITAN
PERLINDUNGAN TERHADAP GANGGUAN, EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL**

1.0 PERNYATAAN DASAR

UMS mempunyai dasar sifar toleransi terhadap gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual. Semua kakitangan kakitangan, pelajar, kontraktor UMS, pelawat UMS, pelanggan UMS dan personel berkaitan perlu memastikan tingkah laku dan tahap profesionalisme yang unggul setiap masa, serta sentiasa memastikan bantuan dan perkhidmatan diberikan dengan cara yang menghormati hak penerima dan golongan rentan dalam masyarakat, sama ada kanak-kanak atau dewasa.

2.0 OBJEKTIF

Objektif polisi ini adalah untuk mengelakkan atau meminimumkan risiko berlakunya gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual sama ada di dalam kampus atau di luar kampus yang melibatkan kakitangan, pelajar, kontraktor UMS, pelawat UMS dan pelanggan UMS.

3.0 SKOP POLISI

- 3.1 Pemakaian polisi ini adalah kepada kakitangan, pelajar, kontraktor UMS, pelawat UMS dan pelanggan UMS sama ada di dalam kampus atau di luar kampus. Perkara ini termasuk aktiviti-aktiviti luar UMS seperti program *outreach* pelajar atau kakitangan, kakitangan akademik yang membuat kerja lapangan (fieldwork) bersama komuniti luar dan kontraktor UMS yang mempunyai urusan bersama pekerja kontraktor di UMS.
- 3.2 Pemakaian polisi ini termasuk perlindungan kepada gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual yang dilakukan oleh/ ke atas kakitangan, pelajar, kontraktor UMS, pelawat UMS dan pelanggan UMS secara atas talian.

4.0 TAFSIRAN

- 4.1 Gangguan Seksual
Gangguan seksual adalah tingkah laku, perbuatan, tindakan atau pernyataan yang bersifat seksual dan tidak diingini yang mana boleh memberi kesan negatif ke atas motivasi serta prestasi kerja. Perbuatan gangguan seksual merangkumi gangguan secara fizikal, lisan, isyarat (bukan lisan), visual dan psikologi.

4.2 Eksploitasi Seksual

Eksploitasi seksual adalah segala bentuk percubaan atau penyalahgunaan kuasa untuk tujuan seksual yang membolehkan pihak lain mendapat faedah termasuk, tetapi tidak terbatas pada manfaat dari segi kewangan, seksual, politik serta kepentingan lain.

4.3 Penderaan Seksual

Penderaan seksual adalah perlakuan fizikal secara seksual yang dibuat secara sebenar atau secara ugutan, sama ada secara paksa atau kerana keadaan yang ketaksamaan atau dalam keadaan paksaan.

4.4 Pelawat UMS

Orang yang melawat atau mengunjungi Kampus Universiti atas urusan rasmi atau tidak rasmi.

4.5 Pelanggan UMS

Orang yang menggunakan dan menerima apa-apa perkhidmatan dan kemudahan UMS, sama ada di dalam atau di luar kampus.

5.0 PELAKSANAAN

5.1 Penubuhan Jawatankuasa Menangani Eksploitasi dan Penderaan Seksual UMS (Protection From Sexual Exploitation And Abuse) (PSEA) UMS

- (i) Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti Bil.5/2021 Kali ke-272 pada 9 Februari 2021 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa PSEA UMS.
- (ii) Keahlian Jawatankuasa PSEA UMS adalah seperti berikut:

BIL.	KEAHLIAN	NAMA
1	Pengerusi	Naib Canselor atau wakil yang dinamakan oleh Naib Canselor
2	Ahli	Penasihat Undang-Undang
3	Ahli	Bendahari
4	Ahli	Pendaftar
5	Ahli	Ketua Bahagian Sumber Manusia
6	Ahli	Prof. Dr Rossita Shapawi (Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah)
7	Ahli	Dr. Lai Che Ching @ Abdul Latif (Ketua UMS-UNICEF Unit Kajian C4D, FSSK)
8	Ahli	Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
9	Ahli (Wakil Pensyarah FPSK)	Prof. Madya Dr. Dg Marshitah Binti Pg Baharuddin (Ketua Jabatan Kesihatan Reproduksi, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan)
10	Urusetia Bersama	1. Pejabat Penasihat Undang-Undang 2. Bahagian Sumber Manusia

- (iii) Peranan Jawatankuasa PSEA UMS adalah seperti berikut:

- a. Membuat polisi penambahbaikan mengenai pematuhan polisi PSEA oleh kakitangan/pelajar di dalam Peraturan, Kaedah, Garis Panduan dan Pekeliling;
- b. Membuat penambahbaikan mengenai pematuhan polisi PSEA oleh kontraktor, pembekal, konsultan dan sub-pembekal dengan memasukkan suatu klausa

standard mengenai pematuhan PSEA dan langkah-langkah yang diambil oleh mereka untuk mengelakkan perbuatan gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual di dalam Perjanjian, Kontrak dan dokumen-dokumen yang berkaitan;

- c. Untuk melaksanakan suatu prosidur penyemakan yang sistematik di mana terdapat soalan berkaitan pematuhan polisi PSEA terhadap individu yang berpontesi dijadikan kakitangan atau mempunyai kerjasama dengan UMS agar UMS memperoleh prosidur penyemakan yang lebih baik;
- d. Menderaf surat aku janji/akuan untuk kakitangan/pelajar mengenai pematuhan polisi PSEA jika membuat program outreach/fieldwork di luar kawasan UMS dan mempunyai hubungan dengan pihak ketiga.

5.2 Strategi

(i) Dokumentasi Melalui Kontrak

Semua kontrak, notis pemakluman, Aku Janji kakitangan dan Aku Janji Pelajar hendaklah memasukkan pernyataan berkenaan gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual.

Pernyataan berkenaan adalah seperti berikut:

a. Klausula Dalam Kontrak

"Penamatan Atas Exploitasi Dan Penderaan Seksual"

Tanpa menjejaskan hak-hak lain, jika Pihak yang tidak ingkar berpuas hati bahawa Pihak lain, sekutu, anak syarikat, kakitangan, pekerja, ejen, pekhidmat atau pekerjaanya terlibat atau terlibat dalam eksploitasi atau penderaan seksual yang berkaitan dengan Perjanjian ini, Pihak yang tidak ingkar berhak untuk segera mengakhiri Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis segera mengenai hal itu kepada Pihak yang lain.

Setelah penamatan tersebut, Pihak yang tidak ingkar berhak atas semua kerugian, biaya, ganti rugi dan perbelanjaan termasuk setiap biaya dan perbelanjaan sampingan yang disebabkan oleh Pihak yang ingkar yang timbul dari penamatan tersebut."

"Termination On Exploitation And Sexual Abuse"

Without prejudice to any other rights, if the non-defaulting Party is satisfied that the other Party, its affiliate(s), subsidiaries, personnel, employees, its agents, servants or workmen is or are involved in sexual exploitation and abuse in relation to this Agreement, the non-defaulting Party shall will be entitled to forthwith terminate this Agreement at any time by giving immediate written notice to that effect to the other Party.

Upon such termination, the non-defaulting Party shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses including any incidental costs and expenses caused by the defaulting Party arising from such termination."

b. Notis Pemakluman

“UMS tidak bertoleransi dengan perbuatan gangguan seksual, eksploitasi dan penderaan seksual. Mana-mana pelajar, kakitangan dan kontraktor UMS yang didapati melakukan perbuatan tersebut akan dikenakan tindakan tatatertib, penamatan kontrak atau apa-apa tindakan lain.”

c. Klausa Aku Janji Kakitangan dan Aku Janji Pelajar

“Dengan ini saya berjanji tidak akan melakukan atau terlibat dengan gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual. Saya akan diberhentikan atau dikenakan tindakan tatatertib jika melakukan atau terlibat dengan perkara tersebut.”

(ii) Proses tapisan/ *criminal background check*

Pengambilan kakitangan baru dan syarikat kontraktor UMS perlu melalui proses tapisan/ *criminal background check*. Kaedah tapisan termasuk, tetapi tidak terbatas pada semakan tapisan keselamatan/ keutuhan dengan Agensi Kerajaan dan soalan berkaitan gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual dalam sesi temuduga.

(iii) Latihan

Latihan berkala perlu dilaksanakan demi menjamin kesedaran berterusan di kalangan kakitangan dan pelajar. Pembasmian gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual hendaklah diterapkan di dalam kursus atau latihan yang dijalankan yang berikut:

- a. Program Transformasi Minda (PTM) akan dijadikan platform bagi penerapan persekitaran kerja dan belajar yang selamat dan sejahtera, bebas daripada gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual.
- b. Kursus kesedaran berjadual mengenai gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual perlu diberikan kepada kakitangan, pelajar dan kontraktor UMS bagi memastikan mereka faham mengenai hak dan langkah membasmi perkara ini.
- c. Modul kursus atau latihan seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa PSEA UMS.
- d. Taklimat kesedaran kepada pelajar dari masa ke semasa dan semasa Minggu Suai Mesra.

(iv) Promosi


- a. Hebahan mengenai pewujudan polisi UMS mengenai PSEA dan gangguan seksual – dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (JTMK) dan Pusat Pengurusan Strategik & Komunikasi Korporat (PPSKK)
- b. Kempen kesedaran secara berkala mengenai PSEA dan gangguan seksual kepada semua Jabatan/ Fakulti/ Pusat/ Institut/ Bahagian (JFPIB)

- Infografik mengenai polisi UMS terhadap PSEA, kemudahan yang disediakan oleh Universiti untuk PSEA, panduan untuk tindakan mangsa terhadap SEA dan gangguan seksual;
- Infografik/ videografik mengenai kepentingan kesedaran terhadap SEA dan gangguan seksual dan PSEA dan gangguan seksual
- *Roadshow* kempen kesedaran mengenai gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual.

(v) Panduan Tindakan Berkaitan Laporan Pelanggaran Polisi (Siasatan)

Sebarang aduan pelanggaran polisi boleh dibuat melalui:

- Aduan secara bertulis yang dimajukan kepada Naib Canselor atau kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU). Borang Aduan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.
- Aduan secara atas talian dengan menghubungi PPUU di talian 088-329010 atau melalui Borang Aduan Atas Talian di laman web PPUU (<https://www.ums.edu.my/ppuu>).
- Pengadu hadir ke PPUU untuk membuat aduan pada bila-bila masa di Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU), Aras 4, Blok Selatan, Bangunan Canselori, Universiti Malaysia Sabah.
- Pengadu juga boleh membuat laporan polis berhubung sebarang pelanggaran polisi ini dan kemudiannya memaklumkan kepada UMS berhubung laporan berkenaan.
- Carta alir tindakan yang boleh diambil oleh pengadu adalah seperti berikut:



(vi) Panduan Rujukan Untuk Bantuan Sokongan

Sekiranya dipersetujui dan diminta oleh mangsa, PPUU boleh merujuk untuk bantuan sokongan PSEA, seperti berikut:

- a. Bantuan perubatan
Sekiranya ada kesan tanda-tanda kecederaan, rasa sakit, serangan seksual – segera rujuk ke klinik/ pusat perubatan terdekat
- b. Sokongan psikososial
Sekiranya terdapat tanda-tanda trauma emosi dan psikologi atau perubahan tingkahlaku yang jelas selepas penderaan
- c. Polis
Sekiranya mangsa ingin membuat laporan polis atau jika terdapat risiko keselamatan dan keselamatan kepada orang lain
- d. Khidmat guaman
Sekiranya mangsa ingin mendapatkan nasihat perundangan.
- e. Senarai kontak bagi rujukan bantuan sokongan PSEA adalah seperti di **LAMPIRAN 2.**

6.0 TINDAKAN TERHADAP SEBARANG PERLANGGARAN POLISI

6.1 Tindakan Siasatan

- (i) Siasatan akan dijalankan oleh PPUU untuk setiap aduan yang diterima mengikut garis panduan yang berkuatkuasa iaitu Pekeliling Pendaftar Bil.12/2010 bertarikh 15 Disember 2010 : Garis Panduan Proses Penyiasatan Dan Penyediaan Laporan Bagi Jawatankuasa Siasatan.
- (ii) Naib Canselor boleh mengarahkan satu siasatan dibuat oleh mana-mana pegawai UMS atau suatu jawatankuasa yang ditubuhkan terhadap aduan berkenaan.
- (iii) Proses Siasatan dan Penyediaan Laporan Bagi Jawatankuasa Siasatan seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Pendaftar Bil.12/2010 adalah seperti di **LAMPIRAN 3.**

6.2 Tindakan Tatatertib

- (i) Seseorang kakitangan yang didapati melakukan gangguan, eksploitasi atau penderaan seksual, boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana telah melanggar Peraturan 3(2)(d), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605) atau lain-lain salah laku di bawah Akta 605. Kakitangan tersebut boleh dikenakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman, bergantung kepada keseriusan kesalahan itu menurut Peraturan 40, Akta 605.
- (ii) Seseorang pelajar yang didapati melakukan gangguan, eksploitasi atau penderaan seksual, boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana telah melanggar Kaedah 3(a)(i) atau 3(a)(ii), Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-Pelajar)

1999 (KTP). Pelajar tersebut boleh dikenakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman, bergantung kepada keseriusan kesalahan itu menurut Kaedah 48, KTP.

6.3 Penamatan Kontrak

- (i) Seseorang kakitangan yang didapati melakukan gangguan, eksploitasi atau penderaan seksual, boleh ditamatkan kontrak perkhidmatan.
- (ii) Mana-mana pihak yang mempunyai kontrak perjanjian dengan UMS, jika syarikat atau pekerjaanya didapati melakukan gangguan, eksploitasi atau penderaan seksual, kontrak perjanjian dengan UMS boleh ditamatkan.

6.4 Laporan kepada Pihak Berkuasa seperti PDRM dan/atau SPRM

Laporan kepada PDRM atau SPRM boleh dibuat sekiranya berlaku kes gangguan, eksploitasi atau penderaan seksual. Seseorang yang didapati melakukan gangguan, eksploitasi atau penderaan seksual boleh dikenakan tindakan berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

6.5 Menolak Dari Memberikan Sebarang Perkhidmatan

UMS boleh menolak dari memberikan sebarang perkhidmatan sekiranya terdapat percubaan atau perlakuan gangguan, eksploitasi atau penderaan seksual.

7.0 KERAHSIAAN

- 7.1 Pegawai yang menerima aduan atau yang terlibat dalam siasatan bertanggungjawab merahsiakan dan memberi perlindungan maklumat yang diperolehi dalam pelaksanaan tugas. Sekiranya pegawai yang menerima aduan atau yang terlibat dalam siasatan didapati membocorkan butiran aduan dan hasil siasatan kepada pihak ketiga, mereka akan dikenakan tindakan tatatertib.
- 7.2 Walaupun begitu, jika Pegawai dipanggil untuk memberikan keterangan di mahkamah, tidak ada halangan undang-undang bagi Pegawai untuk memberikan keterangan di mahkamah jika diputuskan bahawa keterangan tersebut adalah relevan kepada kes dan tidak bercanggah dengan kepentingan awam.

8.0 PENGENDALIAN ADUAN PALSU

- 8.1 Pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat bertanggungjawab memberi maklumat yang benar dan memahami klausa dalam borang aduan seperti berikut:

“Saya faham sekiranya aduan ini didapati palsu, saya akan diambil tindakan tatatertib/ dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.”

- 8.2 Sekiranya seseorang pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat memberikan maklumat palsu ketika membuat aduan, dia boleh

dipertanggungjawabkan dengan liabiliti sivil, tatatertib atau jenayah atas maklumat palsu yang diberikan olehnya.

9.0 PEMAKAIAAN POLISI

Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Di UMS.

10.0 KUAT KUASA POLISI

Polisi ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) iaitu pada **26 Julai 2021**.

 UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG Aras 4, Blok Selatan, Bangunan Canselori, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia Tel : 088-320 000 Faks : 088-320 648 <i>JUSTITIA NEMINI NEGANDA EST</i>
---	--

BORANG ADUAN PERLANGGARAN POLISI (PSEA)

A. BUTIR-BUTIR DIRI MANGSA					
Nama	:				
No. K/P	:				
No. Pekerja/Pelajar	:				
Jawatan	:				
No. Telefon	:				
Emel	:				
Alamat Tempat Tinggal	:				
B. JIKA MANGSA BERUSIA 18 TAHUN KE BAWAH					
Nama Penjaga	:				
Hubungan dengan kanak-kanak:	:				
No. Telefon	:				
Alamat Tempat Tinggal	:				
C. KETERANGAN LANJUT (Sila tambah Lampiran jika ruang tidak mencukupi)					
Nama Orang Yang Diadu	:				
Jawatan Pegawai/ Fakulti Pelajar	:				
Jenis Kesalahan	:				
Tarikh & Masa Kejadian	:				
Lokasi Kejadian	:				
Dokumen/Maklumat Sokongan Yang Berkaitan Yang Boleh Membantu	: <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"> <tr> <td style="width: 50px; height: 20px;"></td> <td>Ada (sila lampirkan)</td> </tr> <tr> <td style="width: 50px; height: 20px;"></td> <td>Tiada</td> </tr> </table>		Ada (sila lampirkan)		Tiada
	Ada (sila lampirkan)				
	Tiada				

Keterangan Lanjut :

D. PERKHIDMATAN YANG DIMINTA

Adakah mangsa telah dimaklumkan mengenai rujukan ini?

☐ Ya ☐ Tidak (Sila jelaskan di bawah jika memilih tidak)

Ruang Penjelasan :

Perkhidmatan Yang Diminta :

- ☐ Siasatan Universiti Malaysia Sabah
- ☐ Rawatan Perubatan
- ☐ Khidmat Kesihatan Mental /Sokongan Psikososial
- ☐ Penempatan Sementara
- ☐ Perkhidmatan Perlindungan dan Keselamatan
- ☐ Khidmat Kebajikan Kanak-kanak
- ☐ Bantuan Undang-Undang
- ☐ Lain-lain (Sila nyatakan):

Sila jelaskan perkhidmatan yang ingin diminta :

E. PERSETUJUAN UNTUK BERKONGSI MAKLUMAT

(Baca bersama mangsa/ penjaga dan jawab sebarang soalan sebelum borang ini ditandatangani. Tandatangan bagi pihak mangsa/ penjaga sekiranya kebenaran diberi secara lisan atau mangsa/ penjaga tidak dapat menandatangani borang ini.

Saya, _____ (nama mangsa), memahami tujuan rujukan dan pendedahan maklumat ini kepada _____ (nama organisasi yang menerima) adalah untuk memastikan keselamatan dan penjagaan yang sejajar di antara organisasi terlibat. Pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menerangkan dengan jelas prosedur rujukan kepada saya dan telah menyenaraikan maklumat yang akan didedahkan. Dengan menandatangani borang ini, saya membenarkan pertukaran maklumat ini.

Tandatangan (mangsa/ penjaga jika mangsa adalah kanak-kanak) :

Tarikh (DD/MM/YY) :

Saya mengakui aduan dan butiran yang diberikan di atas adalah benar mengikut pengetahuan dan kepercayaan saya. Saya faham sekiranya aduan ini didapati palsu, saya akan diambil tindakan tatatertib/ dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Nama Pengadu :

Tandatangan Pengadu:

Tarikh (DD/MM/YY):

Nama Penerima Aduan :

Tandatangan Penerima Aduan:

Tarikh(DD/MM/YY):



BANTUAN SOKONGAN

PERLINDUNGAN TERHADAP GANGGUAN, EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA)

Sekiranya dipersetujui dan diminta oleh mangsa, Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) boleh merujuk untuk bantuan sokongan PSEA, seperti berikut:

BIL.	RUJUKAN	CATATAN
1	BANTUAN PERUBATAN Pusat Rawatan Warga UMS Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah Tel : 088-329054 Email : prw@ums.edu.my Polyclinic UMS KingFisher Lot 45-47, Ground Floor, Block F Riverside Plaza, Kingfisher Park, 88450 Kota Kinabalu, Sabah. Tel : 088-435281 / 435317 Email : poli@ums.edu.my Hospital Wanita Dan Kanak-Kanak Sabah Karung Berkunci No.187 88996 Kota Kinabalu, Sabah. Tel : 088-522600 Email : hwkks@moh.gov.my Jabatan Kecemasan dan Trauma Tel : 088-434582	Sekiranya ada kesan tanda-tanda kecederaan, rasa sakit, serangan seksual – segera rujuk ke klinik/ pusat perubatan terdekat
2	SOKONGAN PSIKOSOSIAL Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Talian Kasih: 15999 Whatsapp : 019-261 5999 (talian 24 jam) Women's Aid Organisation (WAO) WAO Hotline : 03-3000 8858 SMS/WhatsApp TINA : 018-988 8058	Sekiranya terdapat tanda-tanda trauma emosi dan psikologi atau perubahan tingkahlaku yang jelas selepas penderaan

BIL.	RUJUKAN	CATATAN
3	POLIS Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah Polis Diraja Malaysia Beg Berkunci No. 2062, 88560 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Tel : 088-454222 / 700 Emel : cccsbh@rmp.gov.my Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT) CYBER999 (Report online includes cyber harassment) CyberSecurity Malaysia, Level 7 Tower 1, Menara Cyber Axis, Jalan Impact, 63000 Cyberjaya Cyber999 Hotline (office hours only) : 1300 8829 99 Cyber999 Emergency (24hrs) : 019-266 5850 CYBER999 SMS : CYBER999 REPORT (email)(complaint) to 15888 Emel: cyber999@cybersecurity.my	Sekiranya mangsa ingin membuat laporan polis atau jika terdapat risiko keselamatan dan keselamatan kepada orang lain • Dapatkan nasihat dan permohonan perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan jika perlu. • Minta bantuan Pegawai Polis atau Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk mengiringi ke kediaman alternatif/ tempat selamat/ tempat perlindungan
4	KHIDMAT GUAMAN Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sabah* Menara MAA No. 6, Aras 2, Lorong Api-Api 1, Peti Surat 11319, Sabah, 88814 Kota Kinabalu Tel : 088-488434 *Mohon untuk Khidmat Pendamping Guaman (bagi kanak-kanak bawah 18 tahun) Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (Pusat Bantuan Guaman Wanita) Tingkat 3 & 4, Wisma Wanita KM. 3.5, Jalan Tuaran, Beg Berkunci 2082, 88999 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia Tel : 016-695 7076, 013-868 1805, 013-897 3229, 013-891 9203	Sekiranya mangsa ingin mendapatkan nasihat perundangan

PROSES SIASATAN DAN PENYEDIAAN LAPORAN BAGI JAWATANKUASA SIASATAN

